

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI RABU, 14 DISEMBER 2011, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 20**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1243-L13410  
**Tuan Pau Chiong Ung** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan :-
  - (a) berapakah jumlah perbelanjaan dan bilangan notebook 1Malaysia telah pun diagihkan kepada pelajar-pelajar sehingga kini; dan
  - (b) jumlah pelajar yang telah pun mendapat manfaat dan apakah tindakan Kementerian untuk menangani masalah penyelenggaraan komputer riba yang bermasalah.
2. PN-1243-L13470  
**Puan Hajah Zainun binti A. Bakar** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan jumlah kedai runcit di bawah Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) di seluruh negara dan nyatakan sejauh manakah program ini dapat memodenkan prasarana kedai runcit terpilih serta mampu meningkatkan pendapatan peniaga-peniaga kedai runcit berkenaan.
3. PN-1243-L13254  
**Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pekerja mengikut negeri yang mendapat kerja melalui Program Kerja di Rumah dan Program Separa Masa.
4. PN-1243-L13111  
**Datuk Maijol bin Mahap** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tidakkah Kerajaan bercadang untuk menyediakan panduan untuk memberi penerangan kepada umum tentang undang-undang rasuah Malaysia serta implikasi dan aplikasinya dan membantu mereka bagaimana menangani risiko rasuah, seperti yang dibuat oleh Kerajaan British apabila ia meluluskan undang-undang Bribery Act 2010.

5. PN-1243-L13445  
**Dato' Muhammad Olian b Abdullah** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan usaha-usaha untuk mempertingkat dan memperkemaskan ladang kelompok untuk diperluaskan kepada usahawan tani dan koperasi masyarakat Orang Asli.
6. PN-1243-L13701  
**Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah jumlah bantuan mengikut kaum dan bidang perniagaan yang telah disalurkan dari Skim Tabung Ekonomi Belia (STEB) bagi tempoh 4 tahun serta apakah kriteria bagi permohonan sedemikian.
7. PN-1243-L13339  
**Dato' Zaitun binti Mat** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan adakah Kementerian bercadang mengeluarkan sendiri komputer tablet yang mampu milik sebagai usaha membangunkan teknologi maklumat dalam pendidikan negara dan meningkatkan kadar penduduk yang memiliki akses internet.
8. PN-1243-L13435  
**Datuk Hajah Fatimah binti Hamat** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian bagi memastikan pelaksanaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan secara lebih meluas khususnya penggunaan Bahasa Melayu dalam pelbagai bidang terutamanya pengiklanan, papan tanda perumahan, perbankan dan perkhidmatan awam.
9. PN-1243-L13607  
**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk menjaga kebijakan keluarga banduan terutama sekali apabila banduan tersebut adalah pencari nafkah tunggal keluarga tersebut.
10. PN-1243-L13594  
**Dato' Syed Ibrahim bin Kader** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :
  - (a) siapakah yang membenarkan CITOS mengumpul, menyimpan serta menyalurkan maklumat peribadi seseorang. Adakah ini selaras dengan CCRIS (melalui Bank Negara) yang telahpun diguna pakai oleh semua institusi kewangan di Malaysia; dan
  - (b) bagaimana sebuah syarikat swasta menyimpan maklumat peribadi pemegang akaun dan agensi Kerajaan yang mana memantau syarikat dan memberi kuasa kepada mereka.
11. PN-1243-L13294  
**Dr. Malasingam a/l Muthukumaru** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengapakah satu caj perkhidmatan dikenakan kepada pengguna Touch N Go apabila membuat tambah nilai. Sedarkah Kerajaan bahawa 'pre paid' atau pra bayar di mana sejumlah wang yang telah dilabur dan hanya akan digunakan secara berperingkat, tidakkah pelaburan ini dapat menampung kos atau caj yang dikenakan dan apakah Kerajaan akan menghapuskan caj yang dikenakan ini yang sering membebankan pengguna.

12. PN-1243-L13789  
**Tuan Saiful Izham bin Ramli** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan tentang Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar seperti yang pernah diumumkan suatu masa dahulu serta adakah pihak Kementerian mempunyai sebarang perancangan untuk berkongsi pelan induk tersebut kepada rakyat dengan turut sama terlibat dalam proses pemantauan pelaksanaan pelan induk tersebut agar ianya tidak lagi menjadi satu lagi pernyataan niat (*declaration of intention*) hanya semata-mata untuk meredakan kegelisahan rakyat seperti mana tahun-tahun terdahulu.
13. PN-1243-L13063  
**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk mengekang dan mengawal kenaikan harga barang dan keperluan harian yang ternyata semakin naik sekarang ini.
14. PN-1243-L13400  
**Dato' Dr. Yeow Chai Thiam** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan jenis-jenis bantuan yang diberikan oleh Kementerian untuk membangunkan tempat-tempat beribadat yang bersejarah atau warisan istimewa diwartakan sebagai destinasi pelancongan Malaysia.
15. PN-1243-L13799  
**Tuan Saiful Izham bin Ramli** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menangguhkan pembelian peralatan pertahanan oleh Kementerian Pertahanan dan menyalurkan dana pembelian tersebut ke sektor ekonomi lain yang lebih membawa pulangan berganda kepada negara, berdasarkan kepada Laporan Ketua Audit Negara 2010, proses pembelian peralatan pertahanan tersebut akan menyebabkan pengaliran dana keluar negara yang besar, berlakunya ketirisan (*leakages*) dan peruntukan sumber yang tidak seimbang dan tidak produktif serta tidak menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dalam negara.
16. PN-1243-L13724  
**Tuan Boon Som a/l Inong** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapa ramaikah rakyat asing daripada kalangan penutur Bahasa Inggeris diambil sebagai tenaga untuk membantu program peningkatan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar di negara ini dan apakah insentif yang dinikmati oleh guru-guru berkenaan.
17. PN-1243-L13038  
**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan halangan-halangan yang tidak dapat diatasi sehingga pindaan bidang kuasa Akta Bidang Kuasa Mahkamah Syariah tidak dapat dilaksanakan hingga kini dan unit serta agensi di bawah JPM selain dari Kerajaan-kerajaan Negeri yang bertanggungjawab menyelaras dan memantau, menasihati dan mempromosi tatacara serta kaedah sebenar hukuman sebat dan penjara yang berasingan untuk pesalah syariah di mahkamah syariah.

18. PN-1243-L13842  
**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang membina '*Hall of Fame*' atau pun Muzium Sukan sebagai menghargai pengorbanan dan jasa tokoh-tokoh atlet negara semasa mereka hidup.
19. PN-1243-L13606  
**Tuan Ahmad bin Hussin** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-
  - (a) jumlah bangunan di bawah penyelenggaraan Jabatan Kerja Raya bagi setiap negeri dan bilangan bangunan bagi setiap negeri yang telah dipasang Sistem Pencegahan Petir (*Lightning Protection System - LPS*) yang telah diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga (*Energy Commission*) mengikut Malaysian Lightning Protection Standard, MS-IEC 62305; dan
  - (b) berapakah bilangan bangunan Kerajaan telah rosak akibat petir walaupun bangunan tersebut telah pun dipasang *Early Streamer Emission (ESE)* '*lightning rods*' yang tidak mematuhi MS-IEC 62305.
20. PN-1243-L13083  
**Puan Hajah Noriah binti Mahat** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan statistik lelongan awam yang melibatkan harta tanah sepanjang lima tahun ini mengikut bangsa dan umur serta langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menangani isu kegagalan peminjam membayar pinjaman perumahan mereka.
21. PN-1243-L13843  
**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tindakan terhadap pemaju-pemaju perumahan yang menyebabkan banjir berlaku sehingga ke lebuh raya dan adakah Kementerian bercadang untuk memberi pelepasan tol ketika berlakunya banjir di sektor lebuh raya berkenaan.
22. PN-1243-L13279  
**Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah perancangan jangka pendek dan panjang bagi mengelakkan masalah kekurangan air untuk pertanian di Pulau Pinang. Masa kini sumber air untuk kawasan sawah padi di Pulau Pinang masih bergantung kepada Sungai Muda di Kedah dan Sungai Bukit Merah di Perak.
23. PN-1243-L13302  
**Dr. Malasingam a/l Muthukumaru** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah perkembangan dan hala tuju sekolah wawasan yang diwujudkan serta prestasi pendidikan yang telah dicapai sehingga kini.

24. PN-1243-L13549  
**Tuan Khoo Soo Seang** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan langkah-langkah untuk pencegahan banjir serta bencana alam di Malaysia, sedangkan Thailand, negara jiran kita, sedang mengalami banjir dan mereka menghadapi masa yang amat sukar. Kita tidak mahu Malaysia menghadapi kesukaran yang serupa.
25. PN-1243-L13368  
**Datuk Chin Su Phin** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapa ramai bukan Bumiputera Cina yang menjadi pensyarah dilatih dan yang sedang bekerja dan berapa ramai pula telah dinaikkan pangkat di Universiti Malaysia Sabah (UMS).
26. PN-1243-L13513  
**Puan Chew Lee Giok** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah pembinaan '*interchange*' yang menyambungkan Lebuh Raya Maju dan Bandar Putra Permai akan dibina dan jumlah kos pembinaannya.
27. PN-1243-L13623  
**Dr. Syed Husin Ali** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan Pelaburan Langsung Asing atau (FDI) yang terkini mengikut setiap negeri, dan nyatakan jumlah pelaburan asing langsung dan tidak langsung bagi setiap negeri.
28. PN-1243-L13823  
**Tuan Lee Cheam Choon** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk menyelaraskan semua sekolah di negara ini untuk menjadi sekolah bantuan penuh seperti sekolah-sekolah kebangsaan yang mendapat peruntukan sepenuhnya daripada pihak Kerajaan kerana kebanyakan sekolah jenis kebangsaan Cina masih merupakan sekolah bantuan modal.
29. PN-1243-L13186  
**Dr. S. Ramakrishnan** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-  
(a) statistik rakyat Malaysia yang masih memegang kad pengenalan merah mengikut kaum dan tempoh menetap di negara ini; dan  
(b) apakah tindakan Kerajaan mengenai status mereka.
30. PN-1243-L13048  
**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status dan bilangan kes mengikut negeri dan kaum serta peruntukan undang-undang yang memberikan dan mengawal hak dan tanggungjawab serta perlindungan bagi pasangan ibu bapa, penderma sah dan bayi yang menjalani *In-Vitro Fertilization* (IVF) dalam negara kita.

31. PN-1243-L13269  
**Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kemajuan tanaman padi hibrid yang dikatakan boleh membantu penambahan hasil padi sehingga 20-30 tan metrik bagi setiap hektar.
32. PN-1243-L13890  
**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan isu Seksualiti Merdeka dan impak negatif perancangan pihak-pihak tertentu mengadakan seksualiti merdeka di Malaysia seperti yang diamalkan oleh Amerika Syarikat, Jerman yang memberi kebebasan mutlak kepada golongan gay dan transeksual.
33. PN-1243-L13096  
**Puan Hajah Noriah binti Mahat** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan dalam menangani isu peningkatan kes ancaman jenayah siber terutamanya terhadap kanak-kanak, kesan daripada kadar tembusan internet di peringkat global.
34. PN-1243-L13349  
**Dato' Zaitun binti Mat** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan setakat manakah kemajuan Projek Penyaluran Air Mentah Pahang-Selangor (PPAMPS) khususnya bagi mengelakkan krisis bekalan air bersih penduduk Putrajaya, Kuala Lumpur dan Selangor.
35. PN-1243-L13073  
**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan 10 penyakit utama di negara ini yang menyebabkan kematian dan apakah langkah-langkah Kementerian untuk mengatasinya.
36. PN-1243-L13119  
**Datuk Maijol bin Mahap** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status terkini penyiapan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu.
37. PN-1243-L13244  
**Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan hasil pendapatan oleh Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) dalam pasaran saham bagi tempoh lima tahun yang lepas.
38. PN-1243-L13176  
**Dr. S. Ramakrishnan** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
  - (a) berapakah jumlah wang yang dibelanjakan oleh Kerajaan untuk pembelian peralatan pengimbas biometrik bagi melaksanakan program pengampunan (6P) dan adakah ia melalui tender terbuka serta nyatakan syarikat yang mendapat tender tersebut; dan

- (b) berapa orang yang telah ditangkap atas kesalahan penipuan pendaftaran biometrik pekerja asing yang sah dan adakah dengan pendaftaran seramai lebih dua juta pekerja warga asing yang sah dan lebih 1.5 juta pendatang asing tanpa izin melalui Program 6P menunjukkan kegagalan Jabatan Imigresen dalam mengawal pintu masuk negara.
39. PN-1243-L13663  
**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
- (a) sejauh manakah kebenaran dakwaan Presiden Malaysian Trade Union Congress (MTUC) yang mengatakan bahawa klausu Contractor for Labour yang akan menghakis hak-hak pekerja (*erodes labour rights*) seperti yang terdapat di dalam *Employment (Amendment) Act* adalah bercanggah dengan *International Labour Organisation (ILO) Declaration on Fundamental Principles and Rights at Work 1988* yang telah diraktifikasi oleh Kerajaan Malaysia; dan
- (b) di bawah undang-undang yang manakah agensi-agensi pekerjaan akan dilesenkan sebagai *Contractor for Labour*.
40. PN-1243-L13870  
**Datuk Paul Kong Sing Chu** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa tidak ada pembangunan yang dirasai oleh akar umbi walaupun banyak wang telah dicurahkan di Sabah dalam 10 tahun yang lepas. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan penggunaan dana-dana dan pelaksanaan projek yang lebih baik.
41. PN-1243-L13388  
**Datuk Chin Su Phin** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan sistem biometrik yang diperkenalkan dalam membendung pendatang haram yang tidak pernah selesai di Sabah.
42. PN-1243-L13767  
**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah konkret dan sistematik untuk mengurangkan kebergantungan kita terhadap produk-produk pertanian dari negara-negara asing. Apakah produk-produk pertanian tempatan yang diberi keutamaan pada masa ini dalam usaha mengurangkan kebergantungan tersebut.
43. PN-1243-L13133  
**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan lambakan kes penceraian di Wilayah Persekutuan dan adakah pelantikan tiga orang hakim syariah wanita baru-baru ini memberi kesan yang positif.

44. PN-1243-L13490  
**Tuan Subramiam a/l Veruthasalam** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah dan peratus orang India yang menjadi ahli lembaga dan memegang jawatan pengurusan tinggi di Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC).
45. PN-1243-L13581  
**Tuan Ahmad bin Hussin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagi projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA):-  
(a) adakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan Claw-Back Pricing iaitu seperti yang telah dilaksanakan dengan jayanya di Ireland yang mana jika pemilik rumah yang harganya diberi subsidi oleh Kerajaan menjual sebelum tempoh 20 tahun mereka akan dikehendaki membayar perbezaan harga berdasarkan harga semasa asal yang telah diberikan subsidi oleh Kerajaan dan jika tidak, apakah sebabnya; dan  
(b) apakah syarat-syarat pembelian, bilangan akan dibina dan jadual pelaksanaan projek PR1MA dan adakah projek tersebut akan dibina di negeri-negeri lain.
46. PN-1243-L13882  
**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan di dalam keadaan cuaca buruk dan keadaan ekologi yang tidak menentu seperti yang berlaku di Thailand bagaimana Kerajaan dapat melaksanakan polisi jaminan pemakanan '*Food Security Policy*'. Apakah tindakan Kerajaan untuk bagi menjamin makanan kita cukup dan harga yang berpatutan.
47. PN-1243-L13636  
**Dr. Syed Husin Ali** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perkembangan projek pembinaan Istana Negara yang baru dan nyatakan kos terkini, syarikat yang diberi kontrak pembinaan dan jangka masa siap.
48. PN-1243-L13321  
**Dato' Ng Fook Heng** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan pembubaran ISA, apakah undang-undang atau mekanisme yang dapat diguna pakai untuk menahan orang yang disyaki terlibat dengan keganasan.
49. PN-1243-L13413  
**Dato' Dr. Yeow Chai Thiam** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pandangan Kementerian terhadap arahan yang dikeluarkan oleh pihak hospital swasta atau awam iaitu 'kanak-kanak di bawah umur 12 tahun dilarang memasuki wad'.
50. PN-1243-L13720  
**Tuan Chiew Lian Keng** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan selain daripada tindakan untuk mendaftar golongan PATI yang dikenal pasti sebagai 'refugee', apakah langkah-langkah yang diambil bagi memastikan mereka ini tidak berkeliaran tanpa pekerjaan dan siapa menanggung kehidupan harian mereka.

51. PN-1243-L13469  
**Puan Hajah Zainun binti A. Bakar** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah prosedur pemindahan organ membabitkan buah pinggang dilakukan rakyat negara ini dan nyatakan jumlah yang dilakukan di luar negara serta nyatakan negara terbabit.
52. PN-1243-L13334  
**Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah penjawat awam dimaklumkan gambaran sebenar permasalahan yang dihadapi berhubung Laporan Ketua Audit Negara 2010 yang dibentangkan pada 24 Oktober 2011 lalu pada setiap jabatan dan agensi Kerajaan.
53. PN-1243-L13501  
**Puan Chew Lee Giok** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dari tahun 2006-2011, berapakah kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan kepada polis, dan berapa kes yang dilaporkan dibawa ke mahkamah, kes ditarik balik dan kes yang dibawa ke mahkamah mendapati suspek disabitkan dengan kesalahan yang didakwa.
54. PN-1243-L13685  
**Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah Kementerian sedar bahawa kos perubatan di negara ini kian meningkat sehingga ianya membebankan masyarakat tempatan bagi sesuatu rawatan. Apakah Kementerian mempunyai cadangan bagi mewujudkan satu Kad Kesihatan yang sepadu di mana bayaran premium tersebut di potong melalui Akaun 1 KWSP.
55. PN-1243-L13741  
**Tuan Boon Som a/l Inong** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah golongan remaja, termasuk pelajar sekolah yang terbabit dalam kegiatan jenayah di negara ini dan apakah punca mereka terbabit dalam kegiatan berkenaan. Apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan bagi menangani masalah berkenaan.
56. PN-1243-L13533  
**Tuan Khoo Soo Seang** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan kes-kes aduan rakyat yang dikenakan bayaran bekalan elektrik yang terlalu mahal selepas penukaran meter elektrik atau tuduhan pihak TNB yang menyatakan bahawa mereka berhutang TNB dengan jumlah wang yang terlampaui banyak, walaupun mereka tidak membuat apa-apa terhadap meter lama mereka.
57. PN-1243-L13458  
**Dato' Muhammad Olian b. Abdullah** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah kedudukan sebenar penjara kita di seluruh negara serta kepadatannya dan adakah ianya dilihat sebagai pusat pemulihan atau sebaliknya, memandangkan ramai penjenayah-penjenayah berat yang ditangkap adalah bekas banduan bagi kesalahan jenayah ringan.

58. PN-1243-L13759  
**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memantau ucapan-ucapan dan tutur kata menghasut (*seditious statements*) yang dilafazkan oleh '*legislator-legislator*' peringkat Dewan Undangan Negeri dan Parlimen (Dewan Rakyat dan Dewan Negara) yang merosakkan keharmonian hubungan kaum. Umpamanya ada perkara-perkara yang tidak boleh sama sekali diucapkan walau pun dalam dewan-dewan legislator peringkat negeri (DUN) dan Parlimen (DR dan DN) tetapi masih ada yang masih berleluasa mengucapkannya.
59. PN-1243-L13149  
**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian terhadap rungutan orang ramai mengenai bil elektrik yang meningkat dua kali ganda selepas meter lama digantikan dengan meter digital.
60. PN-1243-L13236  
**Puan Doris Brodie** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian dalam usaha meningkatkan semangat cintakan tanah air dan patriotisme terutamanya di kalangan belia, remaja dan kanak-kanak.
61. PN-1243-L13542  
**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rasional mengapa Felda Global Ventures hendak disenaraikan di Bursa Malaysia dan apakah faedah-faedah yang akan diperolehi ahli-ahli koperatif FELDA dan peneroka di dalam penyenaraian ini.
62. PN-1243-L13434  
**Datuk Hajah Fatimah binti Hamat** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah kebenarannya terapi ikan atau spa ikan boleh menyebabkan jangkitan penyakit seperti hepatitis C, HIV/AIDS dan tibi melalui perkongsian kolam air dan nyatakan langkah-langkah pencegahan yang telah diambil ke atas pengusaha terapi ikan atau spa ikan ini.
63. PN-1243-L13773  
**Datuk Chiw Tiang Chai** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah projek perumahan yang di baik pulih daripada projek perumahan terbengkalai di seluruh negara semenjak tahun 2009 hingga 2011 serta nyatakan langkah Kerajaan bagi membaik pulih projek perumahan yang masih terbengkalai.
64. PN-1243-L13127  
**Puan Norliza binti Abdul Rahim** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rasional Kementerian memberi jangka hayat permit teksi hanya untuk tempoh 10 tahun sahaja.

65. PN-1243-L13860  
**Datuk Paul Kong Sing Chu** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah lesen yang telah dikeluarkan kepada kontraktor pelbagai kelas sehingga 31 Oktober, 2011 dan berikan pecahan latar belakang etnik mereka iaitu jumlah yang dikeluarkan kepada Bumiputera dan bukan Bumiputera, dan juga kriteria yang diambil kira untuk pertimbangan dan kelulusan lesen tersebut.
66. PN-1243-L13813  
**Tuan Lee Cheam Choon** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan keadaan graduan farmasi yang tidak dikehendaki berkhidmat di penempatan Kerajaan dan akibatnya tiada peluang untuk menghabiskan latihan amali yang diwajibkan itu. Adakah Kementerian akan cuba mencari penempatan untuk mereka agar mereka diluluskan untuk bekerja di pihak swasta.
67. PN-1243-L13350  
**Dato' Zaitun binti Mat** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian bercadang mewujudkan Rancangan Perkampungan Tersusun (RPT) Perwira bagi pesara polis dan tentera di seluruh negara sebagaimana inisiatif sebuah Kerajaan negeri bagi membantu golongan berkenaan.
68. PN-1243-L13226  
**Puan Doris Brodie** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan setakat manakah komitmen Kementerian dalam mewujudkan modul pembelajaran di peringkat awal kanak-kanak dalam usaha mewujudkan mata pelajaran berkaitan sains angkasa untuk memupuk minat pelajar-pelajar dalam bidang ini.
69. PN-1243-L13563  
**Dato' Syed Ibrahim bin Kader** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dewasa ini terdapat banyak filem-filem Tamil memaparkan adegan memburuk-burukkan Islam khasnya dan Malaysia amnya. Bagaimana Ahli Lembaga Penapisan Filem (LPF) melakukan penapisan terhadap filem-filem tersebut yang dewasa ini agak keterlaluan pembikinannya. Adakah Kerajaan bercadang untuk meletakkan wakil dari kalangan masyarakat India Muslim sebagai Ahli Lembaga Penapisan Filem sepenuh masa dalam usaha membendung adegan dalam filem Tamil yang memburukkan Islam.
70. PN-1243-L13774  
**Datuk Chiw Tiang Chai** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian bagi memperkenalkan warisan budaya negara ini khususnya baba dan nyonya ke persada antarabangsa bagi menarik lebih ramai pelancong datang ke Malaysia amnya dan Melaka khususnya.
71. PN-1243-L13329  
**Dato' Ng Fook Heng** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan memandangkan ekonomi dunia yang tidak menentu, adakah Malaysia mampu menanggung semua perbelanjaan Bajet 2012.

72. PN-1243-L13207

**Dato' Azian bin Osman** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah Program Penyelesaian Menyeluruh Pekerja dan Pendatang Tanpa Izin (Program 6P) berjaya mengatasi masalah pendatang tanpa izin di negara ini.

**ATURAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. (D.R. 29/2011) Rang Undang-undang Perbekalan 2012 - **Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”.** (13 Disember, 2011)
 

**[ Kementerian Kewangan ]**
2. (D.R. 46/2010) Rang Undang-undang Hak Cipta (Pindaan) 2010 **Bacaan Kali Yang Kedua**

**[ Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan ]**
3. (D.R. 13/2011) Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad 2011 “
 

**[ Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan ]**
4. (D.R. 22/2011) Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) 2011 “
 

**[ Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ]**
5. (D.R. 21/2011) Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 2011 “
 

**[ Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ]**
6. (D.R. 23/2011) Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2011 “
 

**[ Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ]**
7. (D.R. 24/2011) Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2011 “
 

**[ Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ]**
8. (D.R. 1/2011) Rang Undang-undang Veteran 2011 “
 

**[ Kementerian Pertahanan ]**

9. (D.R. 26/2011) Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos 2011 “  
**[ Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan ]**
10. (D.R. 15/2011) Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2011 “  
**[ Kementerian Sumber Manusia ]**
11. (D.R. 42/2011) Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011 “  
**[ Jabatan Perdana Menteri ]**
12. (D.R. 31/2011) Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2011 “  
**[ Kementerian Kewangan ]**
13. (D.R. 32/2011) Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) 2011 “  
**[ Jabatan Perdana Menteri]**
14. (D.R. 33/2011) Rang Undang-undang Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 2011 “  
**[ Jabatan Perdana Menteri ]**
15. (D.R. 34/2011) Rang Undang-undang Penyelarasan Pencen (Pindaan) 2011 “  
**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**
16. (D.R. 35/2011) Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) (No.2) 2011 “  
**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**
17. (D.R. 38/2011) Rang Undang-undang Perumahan Rakyat 1Malaysia 2011 “  
**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**
18. (D.R. 36/2011) Rang Undang-undang Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 2011 “  
**[ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ]**

19. (D.R. 43/2011) Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 2011 “  
**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**
20. (D.R. 39/2011) Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2010 (Pindaan) 2011 “  
**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**
21. (D.R. 40/2011) Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2011 “  
**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**
22. (D.R. 41/2011) Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 2011 “  
**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**
23. (D.R. 30/2011) Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2011 “  
**[ Kementerian Kewangan ]**
24. (D.R. 37/2011) Rang Undang-undang Standard Malaysia (Pindaan) 2011 “  
**[ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi ]**
25. PN-1243-U13086  
**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** akan mencadangkan:-  
 "Bahawa Dewan ini mengambil maklum, menyedari dan menginsafi terdapat umat Islam yang murtad semenjak mutakhir ini akibat pengaruh pelbagai kegiatan memurtadkan mereka dan menyedari bahawa :  
 a) Islam adalah Risalah Ilahi yang dengan rahmatNya telah mengangkat banga Melayu dan semua bangsa yang lain dengan mesej 'rahmatan lil 'alamin'. Lantaran itu hanya dengan manghayati dan mengamalkan Islam sepenuhnya sahaja merupakan satu-satunya jalan untuk menjamin kemuliaan, keselamatan, kejayaan dan kehormatan bangsa Melayu mahupun mana-mana bangsa yang lain di negara ini.  
 b) Asas pegangan umat Islam adalah akidah tauhid yang menjadi tunjang kepada seluruh pegangan hidup umat Islam dan prinsip ini tidak boleh diganggu oleh mana-mana pihak.  
 c) Kedudukan istimewa dan status khas agama Islam sebagai agama Persekutuan telah ditetapkan sejak dari kemerdekaan negara ini dan ia wajib dipertahankan oleh setiap warga Muslim dan dihormati oleh semua warga Malaysia.

- d) Penyebaran agama lain daripada Islam kepada orang Islam adalah dilarang sama sekali berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Islam berpendirian tegas terhadap gejala murtad dan permurtadan dianggap jenayah berat yang perlu diperangi habis-habisan.
- e) Pelanggaran terhadap peruntukan ini boleh mengundang kepada tergugatnya keselamatan nasional dan mengundang ketegangan agama di negara ini. Maka saya menyokong sepenuhnya agar :
  - i) Kerajaan menggubal satu Akta Murtad dengan segera bertujuan membendung gejala yang serius ini.
  - ii) Menyokong sepenuhnya deklarasi 10 perkara yang dibuat oleh Perhimpunan Sejuta Umat: Selamatkan Akidah (Himpun)Antaranya:
    - 1) Menyeru agar semua pihak menghormati dan mendokong peranan Raja-Raja Melayu untuk melaksanakan amanah sebagai ketua dan payung kepada pentadbiran Islam di negara ini seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang tubuh negeri.
    - 2) Kerajaan yang memerintah baik di peringkat Pusat mahupun negeri mestilah memastikan bahawa sensitiviti yang tertinggi dalam negara ini dihormati. Sebarang bentuk pelanggaran termasuk menghina dan mencabar kedudukan Islam hendaklah berdasarkan peruntukan undang-undang yang ada.
    - 3) Menuntut supaya Kerajaan dalam usaha memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) hendaklah memastikan supaya undang-undang pencegahan yang tegas dan kukuh untuk memelihara kemuliaan Islam di dalam Perlembagaan dapat dimasukkan sebagai kandungan utama.
    - 4) Menuntut supaya Kerajaan mengambil langkah segera menggubal undang-undang khusus untuk mencegah dan membendung gejala murtad dan kegiatan memurtadkan umat Islam selaras dengan kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan.
    - 5) Menuntut agar sistem pendidikan negara disemak semula untuk memastikan tidak ada unsur yang boleh mendedahkan pelajar kepada penghakisan akidah. Saya menggesa Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi supaya menggubal sistem pendidikan yang berpaksi kepada akidah tauhid dan penerapan akidah yang berkesan kepada pelajar-pelajar.

- 6) Meminta Kerajaan supaya mengadakan program-program penerangan yang menyeluruh dan berkesan di setiap saluran supaya masyarakat berbilang kaum dalam agama di negara kita dapat memahami Islam dan kedudukannya di dalam negara untuk menghilangkan prasangka buruk dan kekeliruan terhadap Islam.
- 7) Menyeru kepada seluruh pertubuhan politik dan bukan politik supaya meletakkan Islam sebagai agenda tertinggi yang utama melebihi kepentingan yang lain serta mengambil sikap yang serius terhadap sebarang usaha untuk mengganggu gugat kesucian Islam.
- 8) Menyeru semua institusi dalam masyarakat terutamanya ibu bapa mengambil tanggungjawab dan tugas dalam mendidik anak-anak dengan kefahaman Islam yang syumul agar dapat membenteng anak dan waris terdekat daripada terjebak di dalam aktiviti pemesongan akidah.
- 9) Menggesa Kerajaan supaya memantau dan mengawal aktiviti pihak media sama ada cetak, elektronik dan media baru. Sebarang bentuk penyiaran dan menyimpan dan menyentuh sensitiviti umat Islam dan keharmonian bernegara perlulah diambil tindakan yang tegas mengikut undang-undang negara.
- 10) Menyeru umat Islam supaya melupakan segala perbezaan fahaman politik dan lain-lain hambatan untuk bersama-sama bersatu menyongsang tugas berat mempertahankan dan menyelamatkan akidah umat dari sebarang bentuk pencerobohan. Kesimpulannya, Kerajaan dan semua pihak yang terlibat perlu bertindak secara serius dan menangani segera kesemua sepuluh deklarasi tersebut di samping mencari langkah-langkah penambahbaikan yang lain."

**[Perdana Menteri]**

26. PN-1243-U13088  
**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan Malaysia berusaha menyelesaikan segala masalah dalaman antara Malaysia dengan negara-negara Asean di Asia Tenggara di dalam semua bidang bagi meningkatkan kemajuan ekonomi, pelajaran, sosial, kebudayaan, agama, perdagangan, persempadanan dan hubungan keselamatan serta persahabatan antara rakyat ASEAN bertujuan memakmurkan dan menyerlahkan kedudukan Asean di mata dunia."

**[Menteri Luar Negeri]**

27. PN-1243-U13090

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan mengambil tindakan yang tegas, dan berani terhadap sebarang usaha mana-mana pihak yang mengganggu-gugat keselamatan negara, ketenteraman awam dan membangkitkan isu-isu sensitif yang bertentangan dengan perlembagaan negara."

**[Perdana Menteri]**

28. PN-1243-U13197

**Dr. S. Ramakrishnan** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pihak Kerajaan mengubal Undang-undang Kebebasan Maklumat bagi membolehkan rakyat Malaysia menikmati hak untuk mendapatkan maklumat selaras dengan kehendak prinsip-prinsip demokrasi. Hak untuk memeriksa dan membendung penyalahgunaan kuasa oleh kakitangan Kerajaan yang mempunyai implikasi secara langsung dan tidak langsung terhadap rakyat jelata. Oleh itu saya mengambil kesempatan melalui mesyuarat Dewan Negara ini untuk menampilkan usul pengubalan undang-undang bagi tujuan membolehkan rakyat Malaysia untuk mengambil bahagian dalam pentadbiran dan hal-hal Kerajaan terutamanya dalam proses membuat keputusan-keputusan sejarar dengan prinsip demokrasi (participatory democracy) dan kepentingan awam (public interest). Rakyat Malaysia mengalu-alu Kerajaan yang tulus dan bertanggungjawab maka pengubalan undang-undang ini adalah mustahak. Undang-undang ini akan memberarkan akses kepada dokumen-dokumen sesebuah agensi Kerajaan dan dokumen-dokumen rasmi Kementerian Kerajaan. Maka disarankan supaya Kerajaan mengambil serius pengubalan undang-undang ini dan mengambil segala langkah-langkah untuk merealisasikan undang-undang ini di Malaysia yang mana undang-undang begini telahpun diperkenalkan di negara-negara komanwel yang lain."

**[Perdana Menteri]**

29. PN-1243-U13198

**Dr. S. Ramakrishnan** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pihak Kerajaan mengubal Undang-undang Perhubungan Kaum (Race Relation Act) bagi menyingkirkan diskriminasi peringkat universiti dan matrikulasi, di dalam proses pengambilan 'tender' Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan. Tujuan utama undang-undang ini adalah untuk mempromosi perhubungan perkauman yang baik dan sihat di antara semua kaum di Malaysia dengan menyingkirkan ketidakseimbangan perkauman dan diskriminasi. Oleh itu, disarankan supaya Kerajaan prihatin dan memandang serius terhadap gejala diskriminasi dan ketidakseimbangan perkauman di dalam sektor-sektor ini.

Undang-undang ini boleh dikuasakan dan diberi mandat untuk memastikan bahawa agensi-agensi Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Tempatan, syarikat-syarikat swasta, syarikat-syarikat 'GLC' Kerajaan dan institusi pengajian tinggi tempatan (IPT) memperkenalkan program 'race equality' yang berdasarkan 'merit' di dalam semua aspek pekerjaan terutamanya di dalam aspek pengambilan tenaga kerja dan pengambilan pelajar, promotion, latihan, dan peluang pembelajaran di dalam negeri dan di luar negara. Dalam masa yang sama Kerajaan perlu menujuhkan satu Suruhanjaya Perhubungan Perkauman di bawah undang-undang ini bagi memastikan penguatkuasaan dan implementasi undang-undang perhubungan perkauman."

**[Perdana Menteri]**

30. PN-1243-U13202

**Dr. S. Ramakrishnan** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pihak Kerajaan prihatin dan memandang serius terhadap penyalahgunaan minuman alkohol dan minuman keras di kalangan masyarakat kita, terutama di kalangan remaja bermula dari usia 16 tahun amat membimbangkan dan ia akan membawa padah kepada masa depan negara kita jika kita tidak mengambil tindakan yang sewajarnya secepat mungkin. Oleh itu, saya mengambil kesempatan melalui mesyuarat Dewan Negara ini untuk menampilkkan usul pengubalan undang-undang untuk menangani penyalahgunaan alkohol dan minuman keras di kalangan masyarakat kita dengan mengambil langkah-langkah berikut:-

- (i) menubah dan meningkakan umur seseorang untuk membeli minuman keras dan alkohol secara sah dari segi undang-undang dari 18 tahun ke 21 tahun. Hukuman berat dan denda yang maksimum juga harus dikenakan terhadap sesiapa sahaja yang di bawah umur 21 tahun jika mereka didapati membeli minuman alkohol dan minuman keras.
- (ii) memperkenalkan sistem lesen baru yang mengawal waktu penjualan alkohol dan minuman keras. Contohnya seperti mengehadkan waktu penjualan dari 11.00 pagi sehingga pulak 9.00 malam.
- (iii) mempunyai undang-undang untuk menangani masalah-masalah pengambilan minuman-minuman keras dan alkohol di tempat awam dan menjadikan pengambilan minuman ini di tempat awam sebagai satu jenayah di mana boleh ditangkap dan didakwa di bawah kanun undang-undang.
- (iv) memperketatkan lagi kanun undang-undang yang mengawal penjualan alkohol dan minuman keras oleh peniaga-peniaga kepada remaja dan juga pelajar-pelajar di bawah umur. Contohnya, apabila mana-mana peniaga menjual alkohol dan minuman keras kepada pelajar-pelajar dan remaja di bawah umur, lesen kedai peniaga itu haruslah ditarik dan dibatalkan dan mengenakan denda yang maksimum terhadap peniaga tersebut.

- (v) memperkenalkan undang-undang baru untuk pendaftaran dan mengawal penjualan minuman-minuman keras buatan tempatan. Contohnya seperti samsu dan ia mendapat sambutan baik di kalangan masyarakat berpendapatan rendah, terutamanya di kalangan masyarakat India yang tinggi di estet, kerana harga minuman ini adalah sangat murah dan mudah didapati di kawasan pedalaman secara haram.
- (vi) menubuhkan satu pusat pencegahan, penyelidikan, dan pemulihian alkohol Malaysia seperti di Amerika Syarikat dan Australia untuk mengadakan penyelidikan dari semasa ke semasa."

**[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]**

31. PN-1243-U13614

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat usulan untuk mempertimbangkan kelulusan pinjaman pelajaran dari PTPTN bagi pelajar cemerlang, iaitu pelajar-pelajar yang mendapat tidak kurang daripada 7A di dalam SPM untuk menuntut kursus profesional seperti ACCA di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Kelulusan pinjaman pelajaran dari PTPTN bagi kursus profesional sedemikian akan menunjukkan bahawa Kerajaan tidak menjelaskan cita-cita pelajar cemerlang dan akan membuka satu lagi jalan baru untuk golongan ini bagi pencapaian taraf pendidikan yang tinggi dan diiktiraf di kalangan bidang profesional sedunia."

**[Menteri Pengajian Tinggi]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN NEGARA )**

<b><u>TAHUN 2011</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST.122	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Sultan Zainal Abidin Bagi Tahun 2010	14 Disember 2011
ST.123	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) Bagi Tahun 2010	14 Disember 2011
ST.124	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Getah Malaysia Bagi Tahun 2010	14 Disember 2011
ST.125	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Bagi Tahun 2010	14 Disember 2011
ST.129	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Tenaga Bagi Tahun 2010	14 Disember 2011
ST.130	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Bagi Tahun 2010	14 Disember 2011
ST.131	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Jurukur Tanah Bagi Tahun 2010	14 Disember 2011
ST.132	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Bagi Tahun 2010	14 Disember 2011
ST.133	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Bagi Tahun 2010	14 Disember 2011
ST.134	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Bagi Tahun 2010	14 Disember 2011
ST.136	Laporan Tahunan Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah Bagi Tahun 2010	14 Disember 2011
ST.137	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Balai Seni Lukis Negara (BSLN) Bagi Tahun 2010	14 Disember 2011

<u>TAHUN 2011</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.138	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) Bagi Tahun 2010	14 Disember 2011
ST.139	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) Bagi Tahun 2010	14 Disember 2011
ST.140	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) Bagi Tahun 2010	14 Disember 2011
CMD.6	Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia Bagi Tahun 2010	14 Disember 2011
CMD.43	Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Bagi Tahun 2010	14 Disember 2011
CMD.44	Laporan Tahunan Suruhanjaya Pasukan Polis Bagi Tahun 2010	14 Disember 2011
CMD.45	Laporan Ketua Audit Negara Bagi Tahun 2010 Pengesahan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Badan Berkanun Persekutuan.	14 Disember 2011